



SIARAN MEDIA
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERAK

**SIDANG PERTAMA PENDENGARAN KES
MAHKAMAH UTAMA SYARIAH PERAK**

1. IPOH - Satu sejarah tercipta pada hari ini dalam sistem perundangan Syariah di dalam negara apabila Mahkamah Utama Syariah Perak bersidang buat pertama kalinya sejak pengumuman penubuhannya di dalam sidang Dewan Undangan Negeri Perak pada 5 Disember tahun 2018.
2. Sidang pertama tersebut diberisi oleh tiga (3) orang panel hakim yang dipengerusikan Ketua Hakim Syarie Perak, Datuk Asa'ari Mohd Yazid, Mantan Presiden Mahkamah Rayuan Persekutuan, Tan Sri Zulkifli Ahmad Makinuddin dan Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Datuk Dr. Mohd Na'im Mokhtar bagi mendengar permohonan kebenaran merayu melibatkan kes harta sepencarian.
3. Untuk rekod, Perak merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai empat lapisan mahkamah dalam sistem kehakiman syariah apabila Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah memberikan perkenan pengwujudan satu lagi lapisan mahkamah rayuan.
4. Bagi kes yang bermula di peringkat Mahkamah Tinggi Syariah seperti kes Tuntutan Harta Sepencarian dan Kes Tuntutan Hadhanah (Hak Jagaan Anak), hak merayu hanya sekali sahaja iaitu di Mahkamah Rayuan Syariah sedangkan kebanyakan kes ini adalah berat dan nilai tuntutannya lebih tinggi.
5. Dengan wujudnya Mahkamah Utama Syariah iaitu satu lagi lapisan mahkamah selepas Mahkamah Rayuan Syariah, pihak-pihak yang bertikai memperolehi dua kali peluang merayu dalam memastikan proses keadilan dapat dilaksanakan dengan baik.

Ab. Rahman Thobroni bin Mohd Mansor
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak

16 Julai 2020